Written by Wartawan Buletin
Thursday, 27 September 2012 09:43 -

SETIU - Seluruh rakyat Terengganu dijemput untuk menghadiri program Himpunan Kebangkitan Rakyat - PAS Ganti Umno kali ke-5 (PGU5.0) yang akan diadakan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu pada 5 dan 6 Oktober, minggu hadapan.

Pengarahnya, YB ustaz Mohd Nor Hamzah berkata mereka wajar menyahut 'seruan' Himpunan pada kali ini kerana ia diadakan dalam suasana umat islam di seluruh dunia sedang mengadakan bantahan menghina nabi SAW.

"Himpunan Kebangkitan (PGU5.0) pada kali ini diadakan dalam suasana umat Islam sedang mengadakan demonstrasi bantahan besar-besaran terhadap satu filem menghina nabi SAW,

"ruh bantahan ini diharap akan menjadi cetusan kepada anak-anak muda dan pengundi Terengganu untuk bersama dengan PAS agar menukar dan mengubah kerajaan negeri Terengganu kepada PAS atau pun kerajaan Malaysia kepada Pakatan Rakyat,

"kerana penghinaan kepada agama Islam bukan sahaja berlaku di luar negara tetapi (turut) berlaku dalam negera kita,"jelasnya.

Menurutnya, pelbagai penghinaan yang berlaku termasuk, menghina syariat Islam, menghina nabi SAW, golongan anti hadis dan golongan yang membawa ideologi bukan dibawa oleh RasuluLah SAW.

Ustaz Mohd Nor selaku ADUN Bukit Payong dan juga Ketua dewan Pemuda negeri

Terengganu berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Panitia PGU5.0 yang diadakan di pejabat Majlis Tindakan DUN Jabi, dekat sini semalam, Rabu 26 September.

Beliau menegaskan, penghinaan terhadap Islam dan Nabi SAW yang berlaku di negara ini, merupakan kesan, akibat pemerintahan Umno selama 55 tahun.

Oleh itu, dengan Himpunan pada kali ini, beliau berharap umat Islam bukan sahaja dapat melahirkan rasa sayang kepada nabi Muhammad SAW, bahkan mengambil semangat dari ajaran Nabi dan melakukan perubahan dalam pilihanraya umum akan datang.

Aturcara PGU5.0

Sehubungan itu, beliau berkata, PGU5.0 akan di mulakan pada Jumaat, 5 September dengan Himpunan Pemuda Pemudi Islam dan Muslimat negeri Terengganu bagi menghimpun dan menggerakkan para petugas, pendokong dan penyokong PAS.

Pemuda PAS akan menganjurkan sukan Futsal, yang akan di adakan pada jam 3.00 petang di gelanggang Futsal Felda Selasih dan 'permainan dalaman' (indoor games) di tapak PGU5.0

Sebelum itu Muslimat akan mengadakan Himpunan Ameerah Terengganu, bermula pada jam 10.00 pagi di Lata Belatan, berhampiran tapak PGU5.0

Sebelah malamnya, satu ceramah akan diadakan pada jam 9.00 malam di tapak PGU5.0 dengan menampilkan Timbalan Presiden PAS Tuan haji Muhamad Sabu sebagai pemidato utama bersama ustaz Mohd Nor Hamzah.

Pada sebelah pagi 6 September, Pemuda PAS akan menganjurkan 'Larian hijau PGU5.0' yng akan bermula dari tapak PGU5.0 pada jam 7.00 pagi, diikuti dengan pertandingan pelbagai acara sukan rakyat.

Menurutnya, Majlis Perasmian akan disempurnakan oleh Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada Sabtu 6 September jam 3.00 petang

Antara tokoh-tokoh yang hadir pada majlis itu Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang dan Setiausaha Agung PAS Dato' Mustafa Ali serta para pimpinan Pusat dan negeri.

Selepas perasmian, para peminat akan dapat menyaksikan kemunculan Ustaz Azhar Idrus bersama selibriti Bob Lokman di pentas utama bermula jam 5.30 petang.

Presiden PAS akan menyampaikan pidatonya pada program Ceramah Kemuncak, pada hari Sabtu 6 September jam 9.00 malam bersama kemunculan kali pertama bekas Ahli Majlis Tertinggi Umno YB. Dato Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin